



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 69 / 2020**

## **PENGISTIHARAN PROKLAMASI DARURAT : PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN PILIHAN RAYA KECIL P.185 BATU SAPI, SABAH**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum akan kenyataan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia dengan pengisytiharan Proklamasi Darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan suatu ordinan dimashyurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 untuk membatalkan tarikh yang telah ditetapkan bagi menjalankan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi P.185 Batu Sapi, Sabah selepas diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
2. Sehubungan dengan pengisytiharan ini juga apa-apa prosiding yang telah bermula bagi maksud penjalanan **PRK bagi P.185 Batu Sapi tidak akan diteruskan** dan satu tarikh yang lain akan ditetapkan untuk PRK tersebut.

Sekian, harap maklum.

**DATUK ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 18 November 2020 / 2 Rabiulakhir 1442H